



SURAT PEKELILING
JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA
BIL. 1 TAHUN 2014

Semua Pegawai Pengawal,

ANGGARAN PERBELANJAAN 2014

Adalah dimaklumkan bahawa sejumlah RM272,354,937.00 telah diluluskan bagi Anggaran Perbelanjaan 2014.

Anggaran Perbelanjaan Mengurus

2. Kebenaran telah diberi melalui Waran Am Bil. 1 Tahun 2014 bertarikh 28 November, 2013 mengikut Seksyen 13(2) dan (3)(a)ii, Akta Acara Kewangan 1957, bagi pengeluaran wang sebanyak RM272,354,937.00 daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk membiayai perbelanjaan berikut:

- i. jumlah sebanyak RM6,537,533.00 sebagai wang yang dikehendaki untuk perbelanjaan yang ditanggungkan ke atas Kumpulan Wang Disatukan; dan
 - ii. jumlah sebanyak RM265,817,404.00 sebagai wang yang dikehendaki untuk perbelanjaan yang diluluskan di bawah Enakmen Perbekalan 2014.
3. Pegawai Pengawal adalah dibenarkan membuat perbelanjaan seperti yang diluluskan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus 2014. Pegawai Pengawal adalah diminta mengawasi supaya perbelanjaan mengurus bagi sesuatu perkhidmatan di bawah kawalannya, tidak melebihi jumlah yang telah diluluskan dalam Anggaran itu.

Anggaran Perbelanjaan Pembangunan

4. Kebenaran telah diberi melalui Waran Am Bil. 1 Tahun 2014 bertarikh 28 November, 2013 mengikut Seksyen 8, Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, bagi pengeluaran wang berjumlah RM45,564,020.00 daripada Kumpulan Wang Pembangunan yang dikehendaki untuk membiayai perbelanjaan bagi Butiran-butiran di bawah Maksud-maksud yang dinyatakan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2014.

5. Pegawai Pengawal adalah dibenarkan membuat perbelanjaan seperti yang diluluskan dalam Anggaran itu, melainkan dari Butiran "Pinjaman" yang memerlukan kelulusan Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri terlebih dahulu sebelum wang pinjaman itu dikeluarkan.

6. Adalah diingatkan bahawa jumlah yang ditanggungkan ke atas sesuatu Maksud dan Butiran tidak boleh melebihi jumlah yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2014. Jumlah perbelanjaan bagi setiap Maksud dan Butiran pada setiap masa tidak boleh melebihi jumlah anggaran harga projek dan siling RMK-10 kecuali dengan kelulusan Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri. Pegawai Pengawal perlu memantau pelaksanaan projek pembangunan dengan rapi supaya dapat dilaksanakan mengikut jadual.

Kawalan Perbelanjaan

7. Pegawai Pengawal hendaklah memastikan perbelanjaan awam dibuat dengan cermat dan berhemat. Justeru, pelaksanaan sesuatu program/aktiviti/projek hendaklah selaras dengan jumlah peruntukan yang telah diluluskan. Bagi mengelakkan pembaziran, peruntukan yang diluluskan hendaklah dipastikan mempunyai jadual pelan tindakan supaya dapat dibelanjakan sepenuhnya sebelum akhir tahun.

8. Bagi tanggungan tahun lalu yang belum dijelaskan atau pelaksanaan sesuatu keputusan baru hendaklah ditampung melalui penjimatan peruntukan tahun semasa atau dilakukan secara *trade-off* dengan Dasar Sedia Ada kecuali bagi dasar atau keputusan baru yang diputuskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Oleh itu, peruntukan tambahan hanya akan dipertimbangkan mengikut keperluan dan hendaklah dipohon selewat-lewatnya pada **1 Ogos, 2014** supaya dapat dibentangkan kepada Dewan Undangan Negeri.

9. Bagi tujuan kawalan peruntukan Mengurus khususnya emolumen, cadangan untuk mewujudkan jawatan baru atau penyusunan semula organisasi yang berkuat kuasa pada tahun semasa dan memerlukan peruntukan tambahan hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri supaya keperluan kewangan dapat disediakan lebih awal.

10. Bagi memastikan peruntukan penyelenggaraan awam dimanfaatkan sepenuhnya, Pegawai Pengawal tidak dibenarkan untuk menggunakan peruntukan yang disediakan untuk penyelenggaraan bagi membiayai aktiviti lain. Tindakan tegas akan diambil terhadap penjawat awam yang mengabaikan kerja-kerja penyelenggaraan.

11. Pegawai Pengawal adalah diminta untuk mengambil perhatian serius terhadap pengurusan kewangan masing-masing dan memastikan supaya teguran yang dibangkitkan dalam Laporan Tahunan Ketua Audit Negara tidak berulang di masa hadapan.

12. Pegawai Pengawal hendaklah mematuhi Akta Acara Kewangan 1957, Arahan Perbendaharaan, Pekeliling dan Surat Pekeliling Perbendaharaan yang dikeluarkan dari masa ke semasa. Dalam menjalankan pengurusan perbelanjaan, Pegawai Pengawal adalah diingatkan supaya melaksanakan tugas dan tanggungjawab seperti mana yang dijelaskan di bawah Seksyen 15A, Akta Acara Kewangan 1957. Pegawai Pengawal diminta mengambil perhatian ke atas teguran audit untuk memastikan peruntukan yang diberi digunakan secara cekap, berhemat, dan teratur. Pegawai Pengawal juga diminta bersikap tegas dan tidak ragu-ragu untuk mengambil tindakan surcaj terhadap mana-mana pegawai dan kakitangan yang melakukan kesalahan seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 18 Akta yang sama.

Bayaran Bil dan Tuntutan

13. Pegawai Pengawal perlu memastikan tiada tunggakan bayaran bil dan tuntutan ke atas bekalan dan perkhidmatan yang telah diberi oleh pembekal dan kontraktor. Semua bil dan tuntutan perlu dijelaskan dalam tempoh 14 hari dari tarikh bil dan tuntutan yang lengkap diterima selaras dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2006.


14. Pegawai Pengawal juga diminta mematuhi Arahan Perbendaharaan 59 untuk menjelaskan bil yang dilakukan atas nama Kerajaan Negeri tetapi didapati tidak menepati peraturan kewangan yang ditetapkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“MELAKA MAJU NEGERIKU SAYANG, NEGERI BANDAR TEKNOLOGI HIJAU”

“MELAKA 752 TAHUN”

Saya yang menurut perintah,



(DATUK ZAINAL BIN HUSSIN)

Pegawai Kewangan Negeri

MELAKA

6 Januari, 2014

s.k.:

YB Setiausaha Kerajaan Negeri

MELAKA

Pengarah

Jabatan Audit Negara Cawangan Melaka

MELAKA